



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

SIARAN MEDIA

MAJLIS PERASMIAN DAN PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN VETERAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DAN ORANG ASLI (VetOA) SEBAGAI RENJER HIDUPAN LIAR BAGI *BIODIVERSITY PROTECTION & PATROLLING PROGRAMME (BP3)*

Seramai 800 Veteran Angkatan Tentera Malaysia dan Orang Asli (VetOA) menerima watikah pelantikan sebagai Renjer Hidupan Liar di bawah Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti (Biodiversity Protection and Patrolling Programme - BP3). Pelantikan ini melibatkan 224 Veteran Angkatan Tentera Malaysia (VET), 439 Orang Asli (OA) dan 112 orang awam, 15 orang Veteran PDRM dan 10 pesara PERHILITAN.

BP3 adalah program membentaras jenayah melibatkan hidupan liar di bawah Jabatan PERHILITAN, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) telah bermula secara rasmi pada 29 Jun 2020 dan melibatkan kawasan operasi di Banjaran Titiwangsa, Taman Negara Pahang, Taman Negara Kelantan, Taman Negara Terengganu, Taman Negara Pulau Pinang, Taman Negeri Royal Belum, Taman Negara Endau Rompin, Rizab Hidupan Liar (RHL) Krau dan RHL Sungkai.

Antara lain, program BP3 ini turut melibatkan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta agensi-agensi penguatkuasaan bagi membanteras pencerobohan, pembalakan haram serta pemburuan hidupan liar di kawasan *hotspot* dalam kawasan perlindungan di Semenanjung Malaysia termasuk Taman Negara, RHL, Taman Negeri, Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan Tapak RAMSAR.

Kepakaran VET dan OA telah meningkatkan keberkesanan pengesanan kes-kes di kawasan *hotspot* pencerobohan, pemburuan haram, pembalakan haram termasuk operasi pembasmian jerat. Penglibatan VET dan OA juga dapat memupuk rasa kebertanggungjawaban untuk melindungi khazanah negara serta meningkatkan kesejahteraan komuniti VET dan OA.

Selain agensi kerajaan, NGO yang turut sama terlibat dalam program BP3 ialah *Malaysian Conservation Alliance for Tiger* (MYCAT) yang terdiri daripada *TRAFFIC Southeast Asia*, *Wildlife Conservation Society - Malaysia Programme* (WCS), *World Wildlife Fund Malaysia* (WWF), Persatuan Pencinta Alam (MNS), Pertubuhan Pelindung Alam Malaysia (Pelindung) dan Persatuan Penyelidik Rimba Malaysia (RIMBA).

Program ini merupakan kesinambungan daripada Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) yang telah dilancarkan pada 3 September 2019 melibatkan kerjasama Jabatan PERHILITAN, PDRM serta Perbadanan Taman Negeri Perak (PTNP), Perbadanan Taman Negara Endau Rompin, Johor, JPSM dan beberapa NGO yang menjalankan operasi bersepadu untuk memerangi dan membanteras penjenayah hidupan liar.

Ia juga merupakan strategi terbaharu dalam meningkatkan strategi rondaan penguatkuasaan melalui penglibatan VET, OA, Veteran PDRM, Veteran PERHILITAN dan orang awam bagi menangani isu pencerobohan dan pemburuan / pembalakan haram.

Adalah diharapkan dengan pelantikan Renjer Hidupan Liar di bawah Program BP3 ini dapat mengurangkan kegiatan pemburuan dan pencerobohan haram di kawasan habitat hidupan liar.

**YB DATUK ALI BIJU
TIMBALAN MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

22 JANUARI 2022

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



[ketsa.malaysia](https://www.instagram.com/ketsa.malaysia)